

Buku *Passing The Baton* sumber rujukan di IPTA

KUALA LUMPUR 9 Jan.

— Buku yang merakamkan peristiwa peralihan kuasa daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertajuk *Passing The Baton* akan dijadikan sebagai sumber rujukan di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Penulis buku berkenaan, Datuk Dr. Ismail Noor berkata, tempoh 16 bulan sebelum penyerahan tampuk kepimpinan negara itu dilihat sebagai proses peralihan kuasa paling unik pernah berlaku dalam sejarah politik moden dunia.

Menurut beliau, walaupun peralihan kuasa sedemikian pernah berlaku di beberapa negara lain, ia tidak didokumentasi secara terperinci.

Sebagai contoh, katanya, penyerahan kuasa jawatan Presiden oleh Nelson Mandela kepada Thabo Mbeki di Afrika Selatan; Lee Kuan Yew kepada Goh Chok Tong di Singapura dan Jiang Zemin kepada Hu Jintao di China.

“Walaupun kesemua proses peralihan kuasa yang berlaku itu hampir sama, ia tidak ditulis secara lengkap.

“Peristiwa bersejarah tersebut boleh dijadikan panduan atau rujukan kepada mereka yang mahukan contoh prosedur peralihan kuasa yang dianggap berjaya serta unik,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku itu di sini hari ini.

Majlis pelancaran itu di sempurnakan oleh Setiausaha Parlimen Kement-

rian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Ho Cheong Sing.

Buku yang sama dalam versi bahasa Melayu bertajuk *Silih Berganti* akan dipasarkan tidak lama lagi.

Ismail memberitahu, prosedur yang dilalui semasa tempoh tersebut adalah sah dan boleh dicontohi khusus kepada pemimpin-pemimpin politik.

“Modus operandi atau kaedah yang digunakan oleh Dr. Mahathir bermula dari pengumumannya untuk bersara pada 22 Jun 2002 sehingga penyerahan kuasa kepada Abdullah pada 31 Oktober tahun lalu begitu sistematis dan lancar,” katanya.